

21/03/2004

Petikan

"JIKA anda tidak bersedia untuk memberikan mandat yang kukuh kepada Barisan Nasional (BN), saya tak tahu apa nak kata. Ini bukan ugutan, tetapi saya cuma membentangkan fakta di depan anda. Pilihan adalah hak anda semua," - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi

"KITA mesti tentukan setiap orang yang akan mengundi BN akan keluar mengundi dan kita mesti menyediakan segala kemudahan untuk mereka. Sistem pemantauan kita juga mesti berjalan dengan cergas dan berkesan dan pengundi lebih yakin kepada parti yang sentiasa mempertahankan keluhuran undang-undang," - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak

"PAS adalah ejen untuk melemahkan orang Islam seperti yang berlaku di beberapa negara lain yang menyebabkan orang Islam tertindas berikutan rakyatnya berbelah bahagi untuk menyokong kerajaan. Perpecahan yang dilakukan mereka itulah yang menjadikan umat Islam negara ini menjadi lemah." - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad

"KINI kita menanti jentera SPR untuk diuji. Saya yakin semua akan berjalan lancar. Semua prosedur sudah diberitahu kepada pegawai terbabit. SPR memberi jaminan bahawa undi adalah rahsia dan rahsia ini tidak akan dibocorkan bila-bila masa sekali pun. Selepas enam bulan barulah kertas undi akan dihapuskan," - Pengerusi SPR, Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman

"TIDAK ada apa yang hendak dibimbangkan. Polis sentiasa diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga walaupun tiada insiden yang boleh menggugat keselamatan sepanjang tempoh berkempen. Pengundi harus menunaikan tanggungjawab dan saya menasihatkan mereka supaya keluarlah mengundi dan jangan sesekali bimbang kerana polis memberi jaminan tiada sebarang kekacauan akan berlaku," - Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mohd Bakri Omar